

BAB 22

PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN UNIVERSITI

22.1 LATAR BELAKANG

22.1.1 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan merupakan satu inisiatif bagi mencapai visi dan misi Universiti. Ini adalah panduan kepada staf dalam menguruskan risiko yang berpotensi akan dan telah berlaku serta berulang. Setiap staf mungkin akan terdedah kepada kebarangkalian melakukannya dan mengakibatkan kehilangan, kemalangan, kerugian, pembaziran dan sebagainya. Polisi ini boleh menjadi panduan untuk mengelak atau mengurangkan risiko kepada semua bentuk risiko perkhidmatan kewangan dan amalan di tempat kerja.

22.1.2 Ia juga merupakan suatu arahan untuk melaksanakan pengurusan risiko dalam organisasi dan juga melengkapkan dokumen yang merangkumi kriteria berikut:

22.1.2.1 Menilai tahap risiko kewangan yang mungkin dihadapi,

22.1.2.2 Memastikan pelaksanaan dan pematuhan terhadap polisi,

22.1.2.3 Pelaksanaan dan pematuhan kepada polisi.

22.1.3 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan yang baik dan berkesan dapat mengurangkan risiko kesilapan, tindakan undang-undang atau berkaitan dan pembaziran serta dapat meningkatkan keyakinan pemegang taruh (stakeholders) dan pelanggan.

22.2 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

22.2.1 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan adalah satu usaha untuk mengurus risiko secara berkesan dan untuk mencapai kepuasan hati pelanggan Universiti. Polisi ini merupakan satu pelan yang berstruktur bertujuan untuk meningkatkan keupayaan

Universiti mengurus risiko secara efektif, efisien dan meminimumkan impak yang boleh menjejaskan pencapaian visi dan misi Universiti.

- 22.2.2 Matlamat utama pengurusan risiko adalah untuk meningkatkan kesedaran keseluruhan warga organisasi terhadap kewujudan risiko kewangan yang memberi kesan signifikan ke atas penyampaian perkhidmatan.
- 22.2.3 Pengurusan risiko kewangan yang berkesan akan mengurangkan kekerapan berlakunya gangguan dan meminimumkan kesan insiden risiko terhadap penyampaian perkhidmatan utama Universiti. Menerusi pelaksanaan pengurusan risiko, risiko kewangan dapat dikenal pasti dan ditangani dengan lebih cekap.
- 22.2.4 Objektif Pengurusan Risiko Kewangan adalah:
 - 22.2.4.1 Memastikan risiko kritikal yang memberi kesan ke atas pencapaian perkhidmatan teras, menjejaskan pengurusan kewangan dan ketidakberkesanan pengurusan sumber dikawal secara sistematik.
 - 22.2.4.2 Merekodkan hasil analisis ke atas setiap insiden risiko kewangan yang telah dikenal pasti secara komprehensif sebagai rujukan pengurusan tertinggi dalam memastikan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan berkesan.
 - 22.2.4.3 Menjadi mekanisme dalam mengkoordinasikan tindakan pencegahan dan mitigasi ke atas insiden risiko kewangan yang telah dikenalpasti.
- 22.2.5 Pengurusan Risiko Kewangan dilaksanakan berasaskan usaha-usaha berikut:
 - 22.2.5.1 Melaksanakan mekanisme yang berstruktur dan konsisten untuk mengurus risiko kewangan bagi mencapai objektif Universiti.
 - 22.2.5.2 Menentukan tahap risiko yang boleh diterima, dikaji, dipinda atau diabaikan dalam pengurusan kewangan Universiti.

- 22.2.5.3 Memupuk budaya proaktif sebagai satu tanggungjawab bersama dalam menangani isu atau permasalahan pengurusan risiko kewangan.
 - 22.2.5.4 Menjalankan pemantauan dan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan risiko kewangan Universiti.
 - 22.2.5.5 Menyedia dan menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan program pengurusan risiko kewangan di Universiti.
 - 22.2.5.6 Menilai pencapaian berdasarkan pengukuran yang digunakan dalam Polisi Pengurusan Risiko Kewangan.
- 22.2.6 Pendekatan pengurusan risiko kewangan Universiti merangkumi setiap bahagian kewangan yang ada di Universiti iaitu:
- 22.2.6.1 Bahagian Bajet
 - 22.2.6.2 Bahagian Perolehan
 - 22.2.6.3 Bahagian Bayaran
 - 22.2.6.4 Bahagian Aset dan Inventori
 - 22.2.6.5 Bahagian Terimaan dan Kewangan Pelajar
 - 22.2.6.6 Bahagian Pelaburan dan Penjana Pendapatan
- 22.2.7 Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan Universiti
- 22.2.7.1 Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko Kewangan Universiti (JIPRK)
 - Pengerusi : Bendahari - *Chief Risk Officer* (CRiO).
 - Ahli : Timbalan Bendahari Kanan
Timbalan Bendahari
Ketua Audit Dalam
Pegawai Kewangan / Ketua Bahagian

22.2.7.2 Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko Kewangan Universiti (JPPRK)

Pengerusi (<i>Risk Controller</i>)	: Timbalan Bendahari Kanan
<i>Risk Champion</i>	: Timbalan Bendahari
<i>Risk Owner</i>	: Ketua Bahagian / Unit

22.2.8 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa

22.2.8.1 Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko Kewangan Universiti.

- a. Menyemak sama ada pihak pengurusan UMK mempunyai kerangka kerja pengurusan risiko kewangan yang komprehensif serta terkini dan prosedur yang berkaitan untuk mengenalpasti dan dan mengurus risiko pengurusan kewangan serta perniagaan termasuk penipuan (*fraud*) secara berkesan.
- b. Mengkaji sama ada pendekatan yang mantap dan berkesan telah diikuti dalam membangunkan pelan pengurusan risiko strategik bagi projek-projek utama.
- c. Mengkaji impak kerangka kerja pengurusan risiko UMK terhadap kawalan persekitarannya dan insurans.
- d. Mengkaji sama ada pendekatan yang mantap dan berkesan telah diikuti dalam membangunkan pelan rancangan strategik UMK.
- e. Mengkaji pelan kawalan fraud UMK di samping berpuashati terhadap proses dan sistem yang berkesan dalam mengenalpasti dan menyiasat maklumat berkaitan fraud.
- f. Menerima laporan secara berkala melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko daripada Pegawai Pengurusan Risiko dan Unit Audit Dalam mengenai operasi dan prestasi pengurusan

risiko di Universiti termasuk risiko berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.


- 22.2.8.2 Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko Kewangan Universiti.
- a. Melaporkan isu-isu berkaitan pengurusan risiko.
 - b. Memastikan dasar-dasar pengurusan risiko dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.
 - c. Memperakukan cadangan penambahan pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan Universiti.
 - d. Mengadakan mesyuarat pemantauan pengurusan risiko mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
- 22.2.8.3 Bendahari - *Chief Risk Officer* (CRiO)
- a. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko Kewangan (JIPRK).
 - b. Memantau dan menyelia pengurusan risiko.
 - c. Merancang hala tuju pengurusan risiko
- 22.2.8.4 Timbalan Bendahari Kanan - *Risk Controller*
- a. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pengurusan Risiko (JPPRK)
 - b. Meneliti semua laporan pengurusan risiko
 - c. Mengesahkan dan meluluskan semua pengurusan risiko di peringkat JPPR untuk diangkat kepada pengurusan atasan
 - d. Menilai keberkesanan kawalan risiko kepada *Risk Owner*
 - e. Pegawai penilai dalam memberi *rating* kepada *Key Risk Indicator* (KRI) yang dicadangkan
- 22.2.8.5 Ketua Bahagian - *Risk Champion*
- a. Membantu membangunkan Polisi Pengurusan Risiko Universiti
 - b. Membantu *Risk Owner* dan *Risk Controller* dalam pengurusan risiko Universiti
 - c. Menilai penambahbaikan, inovasi dan kreativiti dalam pengurusan risiko Universiti dari semasa ke semasa

- d. Menghebahkan dan membudayakan pengurusan risiko kepada staf Universiti
- e. Melaporkan kepada pihak pengurusan sebarang laporan risiko yang dikenal pasti


22.2.8.6 Ketua Unit - Risk Owner

- a. Mengenal pasti risiko, ancaman dan kesan yang dihadapi
- b. Membuat pendaftaran risiko yang berpotensi
- c. Memastikan semua KRI dilaksanakan

22.3 PROSES PENGURUSAN RISIKO



Rajah 1: Model Pengurusan Risiko



Rajah 2 : Proses Kerja Pengurusan Risiko

22.3.1 Mengenal Pasti Risiko Kewangan

22.3.1.1 Universiti sentiasa akan melaksanakan pemantauan berterusan terhadap kemungkinan risiko kewangan yang akan terjadi. Semua staf Universiti hendaklah bertanggungjawab mengenal pasti risiko kewangan yang berpotensi akan berlaku. Proses mengenal pasti risiko kewangan mungkin berpunca daripada arahan, pemberitahuan, perbincangan, pengauditan, komplek, rungutan, insiden, dan sebagainya.

22.3.1.2 Semua cadangan potensi risiko kewangan hendaklah didaftarkan dengan menggunakan Borang Daftar Potensi Risiko Kewangan. Rujuk borang di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

22.3.2 Analisis Risiko Kewangan

22.3.2.1 Setiap risiko kewangan perlu dianalisis dengan teliti oleh pegawai dan jawatankuasa. Ia akan menentukan kesan terhadap risiko kewangan yang berpotensi akan dan telah berlaku serta strategi yang diperlukan untuk kawalan atau pengurangan.

22.3.2.2 Analisis risiko kewangan dibahagi kepada tiga kaedah seperti berikut:

- a. Indeks Kebarangkalian
- b. Penilaian Kesan
- c. Penilaian Risiko

22.3.2.3 Indeks Kebarangkalian

- a. Jadual Indeks Kebarangkalian akan digunakan sebagai panduan dalam menilai kadar kemungkinan sesuatu kejadian risiko itu berlaku. Ia dibahagikan kepada 5 skala terhadap kekerapan sesuatu insiden adalah 1 (Jarang), 2 (Tidak Selalu), 3 (Mungkin), 4 (Selalu) dan 5 (Hampir Pasti).

KATEGORI	SKOR	KETERANGAN
Hampir Pasti	5	Risiko kewangan ini kemungkinan terjadi setiap bulan @ melebihi 6 kali dalam setahun.
Selalu	4	Risiko kewangan ini kemungkinan terjadi sekali dalam tempoh 6 bulan.
Mungkin	3	Risiko kewangan ini kemungkinan terjadi sekali dalam setahun.
Tidak Selalu	2	Risiko kewangan ini kemungkinan terjadi sekali dalam tempoh 1-3 tahun.
Jarang	1	Risiko kewangan ini mungkin berlaku sekali dalam tempoh 5 tahun.

Rajah 3 : Indeks Kebarangkalian

22.3.2.4 Penilaian Kesan

- a. Jadual berikut menunjukkan panduan dalam mengenal pasti risiko kewangan dalam bentuk tahap kesan risiko kewangan apabila ia berlaku. Ia dapat digunakan dalam menilai impak terhadap prestasi dan pencapaian sesuatu objektif yang telah ditentukan dalam Pengurusan Kewangan Universiti. Terdapat 4 faktor penilaian kesan risiko kewangan yang dihadapi berdasarkan empat faktor iaitu Manusia, Reputasi, Kewangan dan Operasi. Setiap faktor disandarkan dengan skor kesan sama ada Diabaikan (1), Kecil (2), Sederhana (3), Besar (4) dan Kritikal (5).

FAKTOR	DIABAIKAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	KRITIKAL
	1	2	3	4	5
REPUTASI	Menjejaskan pencapaian prestasi Bahagian	Menjejaskan pencapaian prestasi PTJ	Menjejaskan hubungan antara PTJ	Menjejaskan pencapaian prestasi Universiti	Menjejaskan pengurusan kewangan Universiti dan Pelanggan
KEWANGAN	Tidak melibatkan kewangan	Melibatkan kewangan sehingga RM3,000	Melibatkan kewangan RM3,001 - RM10,000	Melibatkan kewangan RM10,001- RM20,000	Melibatkan kewangan melebihi RM20,000
MANUSIA	Masalah melibatkan staf Bahagian	Masalah melibatkan staf PTJ	Melibatkan hubungan antara staf PTJ	Melibatkan seluruh staf Universiti	Melibatkan Universiti/ Pelanggan
OPERASI	Perkhidmatan terganggu untuk tempoh < 5 jam	Perkhidmatan terganggu untuk tempoh 5-8 jam	Perkhidmatan terganggu untuk tempoh 24 jam	Perkhidmatan terganggu untuk tempoh 3 hari	Perkhidmatan terganggu untuk tempoh 7 hari

Rajah 4 : Penilaian Kesan

22.3.2.5 Penilaian Risiko

- a. Menganalisis risiko kewangan merupakan sesuatu yang subjektif dan banyak bergantung pada penilaian dan pertimbangan pegawai atau ahli Jawatankuasa Pelaksana dan Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko Kewangan Universiti. Penentuan risiko kewangan adalah untuk menentukan sesuatu risiko pada tahap Sangat Tinggi, Tinggi, Sederhana dan Rendah. Penentuan ini dapat dibuat melalui gabungan indeks kebarangkalian dan penilai kesan seperti jadual di bawah:

		PENILAIAN KESAN				
		Diabaikan	Kecil	Sederhana	Besar	Kritikal
INDEK KEBARANGKALIAN	Hampir Pasti	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi	Sangat Tinggi	Sangat Tinggi
	Selalu	Sederhana	Tinggi	Tinggi	Sangat Tinggi	Sangat Tinggi
	Mungkin	Rendah	Sederhana	Tinggi	Tinggi	Sangat Tinggi
	Tidak Selalu	Rendah	Sederhana	Sederhana	Tinggi	Tinggi
	Jarang	Rendah	Rendah	Rendah	Sederhana	Sederhana

Rajah 5 : Penilaian Kesan

- b. Pengiraan markah risiko kewangan adalah berdasarkan skor pada jadual Indeks Kebarangkalian dan Penilaian Kesan dengan mendarab skor tersebut. Jumlah markah diperoleh akan menentukan tahap risiko kewangan dan strategi yang diperlukan. Jika risiko tersebut berlaku di dalam lingkungan yang rendah, maka tindakan kawalan akan diambil secara pentadbiran/dalaman sahaja. Tetapi, jika sangat tinggi, tindakan terperinci dan strategik diperlukan oleh Universiti.
- c. Berikut adalah jadual bagi penentuan strategi tindakan ke atas jumlah skor risiko kewangan:

TAHAP RISIKO	SKALA MARKAH	TINDAKAN
Sangat Tinggi	13-25	Pelan tindakan terperinci diperlukan dan dibawa ke peringkat Pengurusan Universiti.
Tinggi	8-12	Pelan tindakan terperinci diperlukan dan dibawa ke peringkat JIPRK.
Sederhana	4-7	Diuruskan oleh <i>Risk Controller</i> dan dibawa ke peringkat JPPRK.
Rendah	1-3	Diuruskan oleh <i>Risk Controller</i> dan <i>Risk Champion</i> mengikut prosedur sedia ada.

Rajah 6 : Penentuan Strategi Tindakan

- d. Analisis risiko kewangan (Jadual Penilaian Risiko adalah seperti di Lampiran 2) akan digunakan dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko Kewangan Universiti untuk mendapat keputusan terhadap tindakan yang perlu diambil. Tindakan ini perlu selaras dengan strategi bagi mengawal kesan ke atas pengurusan kewangan Universiti.

22.3.3 Strategi Kawalan Risiko Kewangan

22.3.3.1 Setiap risiko kewangan yang berdaftar hendaklah diberikan perhatian oleh setiap pegawai termasuk jawatankuasa. Ia amat penting dalam mengawal kesan risiko kewangan dan merangka strategi yang disenaraikan. Dalam menguruskan risiko kewangan, setiap aspek perlu diambil kira sebelum strategi ditentukan dan diambil tindakan.

22.3.3.2 Model dan Kerangka Proses Pengurusan Risiko digunakan bagi menentukan tindakan yang perlu dilaksanakan. Model ini terbahagi kepada Kawalan Pencegahan dan Kawalan Penyelesaian (*Mitigation*). Yang merangkumi empat pilihan strategi kawalan risiko iaitu Mengelak, Memindah, Mengurang dan Menerima risiko seperti rajah berikut:



Rajah 7 : Model dan Kerangka Proses Pengurusan Risiko

22.3.3.3 Berdasarkan Jadual Penentuan Risiko, strategi boleh diambil berdasarkan pengelasan yang telah ditentukan dan skor yang diperoleh seperti berikut:

		PENILAIAN KESAN				
		Diabaikan	Kecil	Sederhana	Besar	Kritikal
INDEK KEBARANGKALIAN	Hampir Pasti	Cegah (5)	Cegah atau Mitigasi (10)	Cegah dan Mitigasi (15)	Cegah dan Mitigasi (20)	Cegah dan Mitigasi (25)
	Selalu	Cegah (4)	Cegah atau Mitigasi (8)	Cegah atau Mitigasi (12)	Cegah dan Mitigasi (16)	Cegah dan Mitigasi (20)
	Mungkin	Mitigasi (3)	Cegah (6)	Cegah atau Mitigasi (9)	Cegah atau Mitigasi (12)	Cegah dan Mitigasi (15)
	Tidak Selalu	Mitigasi (2)	Cegah (4)	Cegah (6)	Cegah atau Mitigasi (8)	Cegah atau Mitigasi (10)
	Jarang	Mitigasi (1)	Mitigasi (2)	Mitigasi (3)	Cegah (4)	Cegah (5)

Rajah 8 : Penilaian Kesan

22.3.3.4 Jadual di bawah menggariskan empat faktor pertimbangan sebelum memutuskan langkah yang perlu diambil dalam menguruskan risiko:

FAKTOR	PERTIMBANGAN
Manusia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelengkapan dan keperluan asas dalam menjalankan tugas telah disediakan dengan baik. 2. Melihat semula sesuatu proses kerja yang berkaitan dengan insiden yang berlaku. 3. Memastikan staf telah diberikan pengetahuan dan latihan yang sewajarnya. 4. Menerangkan dengan jelas mengenai tugas dan tanggungjawab staf. 5. Mekanisme untuk pantauan dan pelaporan telah diwujudkan.
Reputasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peraturan kewangan telah dikemaskini dan disebarkan. 2. Bilangan staf mencukupi dan kompeten. 3. Sistem kewangan berfungsi dengan baik dan penyelenggaraan dibuat berkala. 4. Memastikan tindakan telah di ambil ke atas teguran audit dan memberikan kerjasama yang baik kepada juruaudit. 5. Semua dokumen kewangan telah disimpan dan dijaga dengan baik.
Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya pegawai yang berkuasa sahaja yang layak menguruskan kewangan. 2. Agihan peruntukan telah dilaksanakan mengikut kelulusan. 3. Semua aset dan pengurusan tunai telah diinsuranskan. 4. Setiap perolehan dan perbelanjaan telah diluluskan oleh pihak berkuasa melulus. 5. Memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
Operasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Struktur organisasi tersusun dan delegasi kerja teratur. 2. Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) telah dikemaskini. 3. Persekitaran kerja yang selamat dan kondusif. 4. Kualiti kerja telah mengikut piawaian yang ditetapkan. 5. Penyediaan kemudahan dan peralatan kerja yang sesuai dan mencukupi.

Rajah 9 : Faktor Pertimbangan

22.3.4 Kajian Semula dan Pemantauan

22.3.4.1 Pemantauan dan kajian semula boleh dilaksanakan secara berkala bertujuan untuk menguruskan risiko kewangan yang wujud dalam situasi yang berbeza. Kaedah pemantauan dan kajian semula dalam pengurusan risiko kewangan adalah seperti berikut:

- a. Memastikan strategi kawalan yang dipilih dalam pengurusan risiko kewangan bagi sesuatu insiden itu adalah tepat;
- b. Memastikan program atau langkah dalam dokumen pengurusan risiko kewangan dilaksanakan mengikut ketetapan yang terkandung dalam dokumen tersebut;
- c. Menilai tahap risiko yang mungkin berubah mengikut keadaan semasa;
- d. Memastikan strategi komunikasi telah dilaksanakan dengan menyeluruh dan komprehensif;
- e. Memastikan sumber yang mencukupi bagi menangani risiko;
- f. Memaklumkan status terkini berhubung pengurusan risiko kewangan kepada pemegang taruh.

22.3.4.2 Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko Kewangan (JPPRK) yang ditubuhkan di bawah tadbir urus pengurusan risiko adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan proses pemantauan dan kajian semula pengurusan risiko kewangan Universiti. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana ia sangat kritikal dalam menentukan sama ada sesuatu polisi pengurusan risiko kewangan telah memenuhi tujuan asal ia diwujudkan atau dibangunkan iaitu untuk membantu Universiti menghadapi ancaman risiko kewangan.

22.3.5 Komunikasi

22.3.5.1 Komunikasi adalah satu proses yang berterusan dan dilaksanakan pada setiap proses pengurusan risiko kewangan iaitu bermula dari proses mengenal pasti risiko kewangan, menganalisis, menilai dan menangani risiko kewangan. Kaedah ini penting bagi memastikan setiap proses pengurusan risiko kewangan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menguruskan risiko kewangan.

22.3.5.2 Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko Kewangan yang ditubuhkan di bawah tadbir urus pengurusan risiko adalah

bertanggungjawab untuk melaksanakan proses komunikasi. Hasil dan keputusan berkaitan dengan proses ini perlu dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko Kewangan.

22.3.5.3 Jawatankuasa Induk dan Pelaksana Pengurusan Risiko Kewangan yang diwujudkan dalam Universiti hendaklah menyampaikan atau memberikan maklumat berkaitan pengurusan risiko. Ia membolehkan perancangan dan tindakan yang berkesan dapat diambil untuk mencegah dan melakukan tindakan penyelesaian ke atas risiko yang berpotensi kepada strategi Universiti. Komunikasi melalui kaedah perbincangan adalah sangat berkesan bagi memastikan setiap aktiviti penting pengurusan risiko kewangan dilaksanakan berdasarkan kerangka yang telah ditetapkan. Berikut adalah kaedah komunikasi yang akan ditentukan:

- a. Melaksanakan polisi Pengurusan Risiko Kewangan Universiti yang telah dibangunkan;
- b. Mendokumentasikan semua mesyuarat dan perbincangan dengan pemegang taruh;
- c. Menyebar luas pelaksanaan pengurusan risiko kewangan kepada staf Universiti;
- d. Meningkatkan kesedaran staf Universiti berkenaan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan Universiti.

BORANG DAFTAR POTENSI RISIKO KEWANGAN

Pelapor	<Nama individu/unit yang melapor>				
Tarikh	<Tarikh laporan dibuat>				
Keterangan risiko	<Huraian risiko/ insiden yang mungkin akan/telah berlaku>				
Punca Risiko	<Faktor/Sebab yang menyumbang kepada wujudnya risiko>				
	Manusia	Reputasi	Kewangan	Operasi	
Indek Kebarangkalian	<Apakah tahap kemungkinan risiko boleh berlaku?>				
	Jarang	Tidak selalu	Mungkin	Selalu	Hampir Pasti
Penilaian Kesan	<Apakah kesan yang akan berlaku sekiranya risiko terjadi>				
	Diabaikan	Kecil	Sederhana	Besar	Sangat Kritikal

CONTOH BORANG DAFTAR POTENSI RISIKO KEWANGAN

Pelapor	FTMK			
Tarikh	01/04/2014			
Keterangan risiko	<p><i>Kehilangan Komputer Riba.</i></p> <p><i>Sebuah komputer riba telah hilang semasa pegawai menghadiri kursus di Hotel Perdana, Kota Bharu yang disedari pada Jam 1000 bertarikh 31 Mac 2018 .</i></p>			
Punca Risiko	<i>Kehilangan disebabkan oleh kereta pegawai tersebut dipecah oleh pencuri semasa meninggalkan kereta di ruang meletak kenderaan untuk menghadiri kursus.</i>			
	Manusia	Reputasi	Kewangan	Operasi
Indek Kebarangkalian	Telah berlaku pada 31 Mac 2018			
	Jarang	Tidak selalu	Mungkin	Selalu
Penilaian Kesan	Nilai kerugian kos komputer riba adalah RM4,500.00.			
	Diabaikan	Kecil	Sederhana	Besar

JADUAL PENILAIAN RISIKO KEWANGAN

KOD	PUNCA	INSIDEN	KESAN	INDEK KEBARANGKALIAN (A)	PENILAIAN KESAN					SKOR RISIKO (A X B)	TAHAP RISIKO
					Manusia (i)	Reputasi (ii)	Kewangan (iii)	Operasi (iv)	Jumlah (B) (i+ii+iii+iv)/n		

CONTOH
JADUAL PENILAIAN RISIKO KEWANGAN

LAMPIRAN 2

KOD	PUNCA	INSIDEN	KESAN	INDEK KEBARANGKALIAN (A)	PENILAIAN KESAN					SKOR RISIKO (A X B)	TAHAP RISIKO
					Manusia (i)	Reputasi (ii)	Kewangan (iii)	Operasi (iv)	Jumlah (B) (i+ii+iii+iv)/n		
1. 1	Kecuaian dan tahap keselamatan yang rendah	Kehilangan Komputer Riba	Kehilangan maklumat/ dokumen penting yang disimpan menyebabkan proses kerja terganggu.	3	2	3	3	3	$\frac{[(2+3+3+3)]}{4}$ 3	(3 x3) 9	Tinggi